


## ❖ Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa

Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa mula diadakan pada 9 Mac 1961M / 22 Ramadhan 1380H. Hasrat dan cita-cita untuk mengadakan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa ini telah diluahkan oleh Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj semasa majlis penutup Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan kali pertama pada 18 Mac 1960.



Astaka Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa pada tahun 1965.

Sebanyak 7 buah negara dengan 13 orang peserta mengambil bahagian dalam Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa kali pertama. Negara dan peserta yang menyertai majlis kali pertama ini adalah seperti berikut:-

Singapura En. Mustafa bin Haji Ahmad

Tuan Syed Sideq bin Ismail

Brunei En. Sabtu bin Ahmad

Darussalam En. Awang Muhammad bin Abdul Latif

Thailand Tuan Haji Ramli bin Qursim (Qasim)

Tuan Haji Parasrah bin Qursim (Qasim)

Sarawak En. Abdul Rahman Muhammad

En. Mukhtar bin Janid

Indonesia En. Tubagus Mansur Ma'mun

Tuan Syeid Ubaidullah

Filipina En. Munif Mukhtar

Malaya Tuan Haji Ahmad Ma'asom Pergau

Tuan Haji Ismail Hashim



*Johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa kali pertama tahun 1961 dimenangi oleh peserta dari Malaya iaitu Tuan Haji Ahmad bin Ma'asom Pergau, naib johan disandang oleh Tuan Haji Ismail Hashim.*



*Johan Qari Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa pada tahun 1973, Encik Mohd. Taghi Morowat dari Iran.*




*Johan Qari Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa pada tahun 1988, Encik Syarifuddin, M.B.A. dari Indonesia.*

*"...pada peringkat awalnya dibuka kepada negara-negara Asia Tenggara sahaja. Namun begitu ada negara-negara di luar kawasan Asia Tenggara menyatakan hasrat ingin mengambil bahagian."*

Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa yang dianjurkan oleh Malaysia (Malaya pada ketika itu) ialah Majlis Tilawah yang julung-julung kalinya dianjurkan di dunia. Belum ada mana-mana negara yang menganjurkannya sebelum ini.

Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa ini pada peringkat awalnya dibuka kepada negara-negara Asia Tenggara sahaja. Namun begitu ada negara-negara di luar kawasan Asia Tenggara menyatakan hasrat ingin mengambil bahagian.



*Astaka Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa pada tahun 1962.*

Johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa kali pertama tahun 1961 dimenangi oleh peserta dari Malaya iaitu Tuan Haji Ahmad bin Ma'asom Pergau, naib johan disandang oleh Tuan Haji Ismail Hashim juga peserta Malaya manakala tempat ketiga dimenangi oleh peserta dari negara Indonesia. Pada masa itu Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa belum lagi dibuka kepada peserta zariah.


Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Ke-3, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Putra al-Haj Ibni Al-Marhum Syed Hasan Jamalullail merasmikan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa kali pertama pada 9 Mac 1961.



Haji Ismail Hashim



Haji Ahmad Ma'asom Pergau



Antara barisan Hakim Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa sekitar tahun 70an, antaranya Datuk Hassan Azahari (kiri sekali).

*"Johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa kali pertama tahun 1961 dimenangi oleh peserta dari Malaya iaitu Tuan Haji Ahmad bin Ma'asom Pergau, naib johan disandang oleh Tuan Haji Ismail Hashim juga peserta Malaya manakala tempat ketiga dimenangi oleh peserta dari negara Indonesia"*



Y.A.B. Tun Abdul Razak mengambil tempat Y.T.M. Tunku Abdul Rahman untuk mengalru-alukan kedatangan kumpulan pertama qari yang menyertai Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa kali pertama pada tahun 1961.



Majlis Perasmian Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa pada tahun 1966.



Che Rasyah Sulong, Johan Qariah Majlis Tilawah al-Quran 1961.

Ketika Majlis Perasmian Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa diadakan, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri sedang menghadiri Persidangan Perdana Menteri Negara-negara Komanwel di London. Oleh yang demikian Y.A.B Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri ketika itu mengambil tempat beliau mengalru-alukan kedatangan kumpulan pertama qari yang menyertai Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa kali pertama ini.



Persembahan masjid pada tahun 1966.



Persembahan qasidah juga turut menghiasi hampir setiap Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa yang diadakan setiap tahun.

Dalam Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa yang pertama itu, Y.A.B. Tun Abdul Razak telah menyebut bahawa Kerajaan Malaya terus menggalakkan rakyatnya membaca al-Quran. Kursuskursus mempelajari dan menghafaz al-Quran juga diadakan. Masjid Negara yang sedang dibina ketika itu akan dijadikan pusat untuk tujuan tersebut.


Pada 1 Mac 1966 hasrat dan kenyataan dengan pembukaan Kelas Tahfiz al-Quran Masjid Negara. Kelas ini di bawah bimbingan S.E. Dato' Haji Mohammad Nor bin Haji Ibrahim, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan ketika itu. Kelas Tahfiz al-Quran ini terus berkembang dan dikenali dengan nama Institut Tahfiz al-Quran wa al-Qiraat, Jabatan Perdana Menteri.



Kumpulan pertama pelajar Maahad Tahfiz Masjid Negara bersama Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebelum berlepas ke Mesir untuk melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar pada tahun 1968.



Persembahan qesidah oleh peserta qariah pada tahun 1963.



Astaka Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa pada tahun 1964.



Lawatan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku  
Siti Aishah ke Darul Quran pada tahun 2001.

Institut ini berpindah beberapa kali ke kampus sementara. Antara kampus sementara tersebut ialah di Kompleks Pusat Islam Malaysia, Jalan Perdana dan di Jalan Ledang, Kuala Lumpur, Pinggiran Taman Tun Dr. Ismail dan di Hulu Langat, Selangor. Kini Institut ini berada di kampus tetapnya di Kompleks Darul Quran di Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu di bawah pentadbiran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang berpindah ke sana mulai 1 Januari 1997.



Majlis Konvokesyen Darul Quran pada tahun 2003.



*Antara peserta gairah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa pada tahun 1967.*

Dalam tahun 1962, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah menyatakan dukacitanya kerana belum lagi dapat memenuhi hajat beberapa buah negara Afrika yang menyatakan keinginan mereka untuk menyertai Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa. Pada masa itu juga penyertaan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa belum dibuka kepada negara-negara Arab. Pandangan Jawatankuasa Pusat pada masa itu bahawa Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa belum boleh dibuka kepada negara Arab sehingga hal mutu bacaan peserta dari negara-negara bukan Arab dapat menyaingi bacaan qari negara Arab kalau pun tidak melebihi mereka.

Dalam tahun 1962 negara-negara yang mengambil bahagian dalam Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa menurun kepada enam buah negara sahaja. Negara-negara tersebut ialah Brunei, Pakistan, Sarawak, Singapura, Thailand dan tuan rumah Malaya. Filipina dan Indonesia tidak mengambil bahagian, kerana berselisih faham mengenai pembentukan negara Malaysia dan berlakunya konfrantasi antara Malaysia (Malaya ketika itu) dengan Indonesia.

Pada tahun 1964 buat pertama kalinya peserta qariah mengambil bahagian di Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa. Negara-negara yang menghantar peserta qariah ialah: Brunei Darussalam, Filipina, Kemboja, Thailand dan Malaysia. Johan qariah dimenangi oleh Puan Hajjah Faridah Mat Saman dari Malaysia manakala naib johan dimenangi oleh Puan Fatimah binti Haji Abdullah dari Thailand. Johan qari dimenangi oleh peserta dari Malaysia iaitu Encik Hasan Musa. Pada tahun 1964 juga telah mengalami perubahan penyertaan peserta dari negeri Sarawak, Sabah dan Singapura. Buat pertama kalinya peserta dari negeri-negeri tersebut dijemput menyertai Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan selaras dengan pembentukan Malaysia. Sebelum ini negeri-negeri berkenaan telah menyertai di peringkat Antarabangsa. Walau bagaimana pun negeri Sabah tidak menghantar peserta pada tahun 1964.



Johan qariah kali pertama Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 1964, Puan Hajjah Faridah Mat Saman



Wajah Puan Hajjah Faridah Mat Saman pada tahun 60an

“...tahun 1964 buat pertama kalinya peserta qariah mengambil bahagian di Majlis Tilawah al-Quran peringkat Antarabangsa. Negara-negara yang menghantar peserta qariah ialah: Brunei Darussalam, Filipina, Kemboja, Thailand dan Malaysia. Johan qariah dimenangi oleh Puan Hajjah Faridah Mat Saman dari Malaysia manakala naib johan dimenangi oleh Puan Fatimah binti Haji Abdullah dari Thailand.”



Johan dan Naib Johan Quri dan Quriah Majlis Tilawatul al-Quran Peringkat Kebangsaan pada tahun 1961 bersama piola masing-masing.

Tahun 1966M/1386H Johan Qari dan Qariah negara, Tuan Haji Ismail Hashim, Puan Hajjah Faridah Mat Saman dan Puan Hajjah Rogayah Sulong telah diberi penghormatan memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran di negara-negara Afghanistan, Iran, Republik Arab Bersatu, Sudan, Mesir, Somalia dan Turki. Qari dan qariah negara mendapat sambutan hangat di negara-negara yang mereka lawati untuk memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran. Mereka menjadi duta negara yang mengharumkan nama Malaysia di mata dunia.



*Peserta Qariah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan pada tahun 1963.*



*Tuan Haji Ismail Hashim, Hajah Rogayah Sulong dan Hajah Faridah Mat Saman bersedia untuk berlepas ke luar negara.*



DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bersalaman dengan peserta dari luar negara pada tahun 1981.

*“...hubungan diplomatik antara dua buah negara dimulai pada 31 Ogos 1967, maka Indonesia kembali menyertai Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa.”*

Pada 11 Ogos 1966 perjanjian damai antara Kerajaan Malaysia dengan Indonesia ditandatangani. Konflik antara Malaysia dengan Indonesia tamat pada tahun 1967. Dengan pemulihran hubungan diplomatik antara dua buah negara dimulai pada 31 Ogos 1967, maka Indonesia kembali menyertai Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa.

Tahun 1967 mencatat sejarah kerana penyertaan qari dan qariah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa mengatasi jumlah peserta Peringkat



Johan qari dan qariah Tilawah al-Quran Kebangsaan 1969 (24-29.11.1969) Tuan Haji Ismail Hashim dan Puan Jamaliah Ahmad (kedua-duanya dari Kedah).



Perbarisan Jemah Hakim dan peserta yang mengambil bahagian dalam Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa pada tahun 1970 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sedang menyampaikan hadiah kepada Johan Qariah di Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa pada tahun 1979.

Kebangsaan. Sebanyak 23 buah negara menghantar peserta yang terdiri daripada 27 orang qari dan 10 orang qariah. Pada tahun ini juga perbarisan mengarak peserta telah diadakan.

Pada tahun 1976 penyertaan dibuka kepada peserta dari negara-negara yang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa ibunda. Sebelum ini mereka tidak dibenarkan mengambil bahagian, cuma hadir sebagai pemerhati.

Pada tahun 1977 sebanyak 17 buah negara termasuk Malaysia menyertai Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa. Negara-negara berkenaan ialah: Afghanistan, Arab Saudi, Bangladesh, Brunei Darussalam, Filipina, India, Indonesia, Iraq, Iran, Jordan, Kuwait, Pakistan, Thailand, Singapura, Sri Lanka, Somalia dan Malaysia.

*"...tahun 1977 sebanyak 17 buah negara termasuk Malaysia menyertai Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa. Negara-negara berkenaan ialah: Afghanistan, Arab Saudi, Bangladesh, Brunei Darussalam, Filipina, India, Indonesia, Iraq, Iran, Jordan, Kuwait, Pakistan, Thailand, Singapura, Sri Lanka, Somalia..."*



Ucapan dari Y.A.B. Perdana Menteri di Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa pada tahun 1985.



Astaka Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa pada tahun 1981.

Pada tahun 1978 pertama kalinya negara Mesir menghantar peserta. Sebelum ini negara berkenaan hanya menghantar hakim sahaja.

Pada tahun 1981 beberapa perubahan telah berlaku. Antara perubahan tersebut ialah:-

- ◆ Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Peringkat Antarabangsa diadakan secara berasingan. Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan buat pertama kali diadakan di negeri dengan Negeri Sembilan menjadi tuan rumah. Manakala Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa masih diadakan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.

*"Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan buat pertama kali diadakan di negeri dengan Negeri Sembilan menjadi tuan rumah. Manakala Tilawah Peringkat Antarabangsa masih diadakan di Stadium Merdeka..."*



*Persembahan Perbarisan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa pada tahun 1991.*

- ◆ Tujuan Majlis Tilawah Peringkat Kebangsaan diadakan di negeri secara bergilir-gilir adalah untuk memberi peluang kepada rakyat tempatan untuk menyaksikan dan menikmati bacaan al-Quran oleh qari dan qariah terpilih.
- ◆ Pada tahun ini juga Majlis Tilawah al-Quran mula diadakan di luar bulan Ramadhan atas permintaan orang ramai. Jawatankuasa Pusat Tilawah telah bersetuju terhadap cadangan tersebut dengan alasan pihak-pihak yang terlibat dapat mengerjakan Solat Tarawih di samping melakukan ibadat-ibadat yang lain.



*Juruhebah radio yang bertugas membuat siaran langsung Majlis Tilawah al-Quran.*



*Antara Petugas di bilik Jemah Hakim di Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan pada tahun 2003.*

- ♦ Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa terus diadakan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur sehingga tahun 1986, ia kemudiannya diadakan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra.
- ♦ Namun begitu, Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa pernah diadakan di Kompleks Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur iaitu pada tahun 1989 dan di Stadium Negara pada tahun 1990.
- ♦ Perubahan ini adalah untuk menjamin keselesaan penganjur dan pemerhati dengan dapat mengelakkan gangguan cuaca buruk seperti yang biasa dialami di Stadium Merdeka. Di samping itu juga dapat memudahkan perjalanan jemaah hakim dan para peserta yang tempat penginapan mereka berdekatan dengan Pusat Dagangan Dunia Putra.



*Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyampaikan hadiah saguhati kepada seorang peserta dari luar negara di Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa pada tahun 1991.*



*Para peserta tidak akan pulang dengan tangan kosong, sebaliknya mereka amat gembira dengan cenderamata yang telah diberikan.*

Hadiah yang ditawarkan kepada johan qari dan qariah mulai tahun 1961 hingga 2000 berubah dan bertambah mengikut perkembangan semasa. Tidak dapat dipastikan berapakah jumlah wang tunai yang ditawarkan kepada johan qari dan qariah sejak mula diadakan pada tahun 1961 hingga tahun 1984. Pada tahun 1984 hingga 1992 johan qari dan qariah menerima hadiah wang tunai berjumlah RM5,000.00 serta piala pusingan, piala iringan dan sijil penyertaan. Mulai tahun 1992 hingga tahun 2000 hadiah yang ditawarkan adalah seperti dalam Jadual 5.

Mulai tahun 2001 hadiah kepada peserta telah dinaikkan seperti di Jadual 6. Sesuai dengan perkembangan semasa maka jumlah hadiah yang ditawarkan adalah bersandarkan kepada jumlah matawang USD.

### Hadiah-hadiah Kepada Peserta Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Mulai Tahun 1992 - 2000

Kategori	Wang Tunai RM	Piala Pusingan	Piala Iringan	Cendera mata	Sijil
Johan	10,000.00	✓	✓	✓	✓
N/Johan	7,000.00	-	-	✓	✓
Ketiga	5,000.00	-	-	✓	✓
Saguhati	1,000.00	-	-	✓	✓

*Jadual 5: Senarai hadiah kepada peserta Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa dari tahun 1992 hingga 2000.*



*Johan Qari dan Qariah Tahun 2001  
Majlis Tilawah al-Quran Peringkat  
Antarabangsa, Mas'ud Sayah Gorji  
(kanan) dari Iran dan Hajjah Pasiah bt.  
Hashim dari Malaysia.*

### Hadiah-hadiah Kepada Peserta Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Mulai Tahun 2001

Kategori	Wang Tunai RM	Dolar Amerika USD	Piala Pusingan	Piala Iringan	Cendera mata	Sijil
Johan	15,200.00	4,000	✓	✓	✓	✓
N/Johan	11,400.00	3,000	-	-	✓	✓
Ketiga	7,600.00	2,000	-	-	✓	✓
Saguhati	3,800.00	1,000	-	-	✓	✓

*Jadual 6: Senarai hadiah kepada peserta Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa mulai tahun 2001.*